

18/03/2000

Tindakan pekerja jejas kredibiliti perbankan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tindakan pekerja bank yang mendedahkan rahsia pelanggan hanya akan menjejaskan keyakinan orang awam dan pelabur terhadap keseluruhan sistem perbankan negara.

Beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri menyifatkan pekerja bank harus bersikap profesional selain mematuhi undang-undang ketika menguruskan akaun pelanggan bagi memastikan imej industri perbankan tidak terjejas.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata jika pekerja bank boleh berbuat demikian terhadap kerajaan, maka ada kemungkinan mereka juga akan melakukannya terhadap pihak swasta.

"Ini termasuk mendedahkan urusan syarikat antarabangsa dan keadaan ini sudah tentu akan mengurangkan keyakinan awam dan pelabur terhadap sistem perbankan negara," katanya di Georgetown, hari ini.

Beliau mengulas mengenai kakitangan dua bank di Melaka mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan untuk memburukkan kerajaan.

Dr Koh berkata, sistem perbankan di seluruh dunia adalah sulit dan keperluan menyimpan rekod secara rahsia adalah aspek penting dalam mengurus niaga.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendedahkan beberapa pekerja dua bank di Melaka membuat salinan cek Kerajaan Negeri Melaka dan mempamerkannya dalam Internet seolah-olah kerajaan berbuat kesalahan.

Di MUAR, Kerajaan negeri Johor menggesa pihak pengurusan serta kesatuan bank memantau kegiatan yang dilakukan kakitangan serta ahlinya bagi memastikan etika kerjaya perbankan dipatuhi sekali gus mengelakkan perkara yang sama tidak berulang.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata pihak pengurusan tidak seharusnya lalai dalam memastikan kakitangan mematuhi etika terutama dalam menyimpan rahsia terhadap tugas diamanahkan.

Beliau berkata jika perkara itu tidak dikawal, pelanggan bank bukan sahaja tergugat dengan kegiatan tidak bertanggungjawab itu malah akan timbul rasa bimbang simpanan atau pinjaman diketahui orang lain akibat sikap kakitangan yang tidak menyimpan rahsia.

"Jika pihak pengurusan dan kakitangan bank tidak menghiraukan masalah ini, masyarakat akan kehilangan kepercayaan terhadap insitansi perbankan negara ini," katanya.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata kerajaan negeri akan mengkaji terlebih dahulu sama ada akan mengeluarkan wang simpanan tetap kerajaan negeri daripada bank yang kakitangannya menentang kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini kerajaan negeri tidak menerima sebarang laporan berhubung kakitangan bank bertindak seumpama itu.

"Kalau ada, kita akan kaji dulu. Bagaimanapun, setakat ini saya tidak menerima apa-apa laporan. Kakitangan bank tidak seharusnya bertindak menyokong parti pembangkang secara terang-terang," katanya.

Di KOTA BHARU, Kerajaan Pas Kelantan turut menyifatkan tindakan segelintir kakitangan bank mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan bertujuan memburukkan kerajaan sebagai tidak wajar serta melanggar amanah.

Pengerusi Jawatankuasa Perancang, Kewangan dan Pentadbiran Awam, Takiyuddin Hassan, berkata Islam menuntut setiap individu menjaga amanah yang diberi dan sebarang maklumat tidak harus didedahkan tanpa kebenaran.

(END)